

THE STAGING OF ISLAMIC THEATRE IN MALAYSIA

PEMENTASAN TEATER BERUNSUR ISLAM DI MALAYSIA

Fazilah Husinⁱ, Zulkifli Mohamadⁱⁱ & Mohd Zariat Abdul Raniⁱⁱⁱ

ⁱ (*Corresponding author*). Pensyarah Kanan, Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM). fazilahh@upm.edu.my

ⁱⁱ Profesor Madya, Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM). zulkiflimohamad@upm.edu.my

ⁱⁱⁱ Profesor Madya, Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM). zariat@upm.edu.my

Abstract	<p><i>This study discusses about the staging of Islamic theatre in Malaysia. Theatre activists in Malaysia have staged various forms, styles and issues related to Islam, at least since the 1970s. In the 1980s, Dato' Noordin Hassan, Malaysia National Laurette presented the principles of Islamic theatre called the "Theatre of Fitrah" approach. This is very important to guide those want to perform an Islamic theatre. These principles are the basic guide in writing Islamic staging scripts, with the basic concept of theatre as "a way of worship to Allah SWT and da'wah. This study aims to describe the latest development of Islamic theatre in Malaysia in terms of the form of staging and issues presented. There are twenty two theatre productions that feature Islamic elements or discuss issues related to Islam has been list. Those performances apply Islamic elements in various aspects and approaches including acting, characters and issues pertaining to Islam. The issues raised are including the life history of the Prophet Muhammad SAW, the history and beliefs of Islam, and contemporary problems faced by Muslims. The style, form and concept of performance include musical, monologue, realistic and non-realistic. The application of Islamic elements and discussion on issues related to Islam are found have influence the approach of a theatre performance. A clear understanding of concept of Islamic theatre can strengthen the form and characteristics of Islamic theatre performance in Malaysia, and able to avoid confusing and uneasy among Muslim.</i></p> <p><i>Key words: Staging, Theatre, Da'wah, Fitrah, Islamic.</i></p>
Abstrak	<p><i>Kajian ini membincangkan tentang pementasan teater Islam di Malaysia. Penggiat teater di Malaysia telah mementaskan pelbagai bentuk, gaya dan isu berkaitan Islam, sekurang-kurangnya sejak tahun 1970-an. Pada 1980-an, Dato' Noordin Hassan, Malaysia National Laurette telah membentangkan prinsip-prinsip teater Islam yang dipanggil pendekatan "Teater Fitrah". Ini sangat penting untuk membimbing mereka yang ingin membuat persembahan teater Islam. Prinsip-prinsip tersebut merupakan panduan asas dalam penulisan skrip pementasan Islamik, dengan konsep asas teater sebagai "suatu ibadah kepada Allah SWT dan dakwah. Kajian ini bertujuan untuk menghuraikan perkembangan terkini teater Islam di Malaysia dari segi bentuk pementasan dan isu yang dikemukakan. Terdapat dua puluh dua pementasan teater yang memaparkan unsur-unsur Islam atau membincangkan isu-isu</i></p>

berkaitan Islam telah disenaraikan. Persembahan tersebut menerapkan unsur Islam dalam pelbagai aspek dan pendekatan termasuk lakonan, watak dan isu berkaitan Islam. Isu-isu yang dibangkitkan termasuklah sejarah hidup Nabi Muhammad SAW, sejarah dan akidah Islam, dan masalah kontemporari yang dihadapi oleh umat Islam. Gaya, bentuk dan konsep persembahan termasuk muzikal, monolog, realistik dan tidak realistik. Penerapan unsur-unsur Islam dan perbincangan mengenai isu-isu berkaitan Islam didapati telah mempengaruhi pendekatan sesebuah persembahan teater. Kefahaman yang jelas tentang konsep teater Islamik dapat mengukuhkan bentuk dan ciri-ciri pementasan teater Islam di Malaysia, serta dapat mengelakkan kekeliruan dan kegelisahan dalam kalangan umat Islam.

Kata kunci: Pementasan, Teater, Dakwah, Fitrah, Islam.

PENDAHULUAN

Kajian ini bertujuan untuk menghuraikan ciri-ciri mutakhir pementasan teater berunsur Islam di Malaysia. Perbincangan tertumpu kepada pementasan yang berlangsung antara tahun 2009 dan 2018. Pementasan teater berunsur Islam dalam konteks kajian ini adalah persembahan naskhah atau skrip drama pentas yang di dalamnya mengandungi perkara yang berkaitan dengan Islam. Pada asasnya, antara tujuan sesebuah pementasan teater yang mengandungi unsur Islam adalah untuk tujuan berdakwah dan menyebarkan kebenaran Islam, bukan menghina atau memperkecilkannya (Fazilah Husin, et al., 2020). Penggiat teater di Malaysia telah mementaskan pelbagai bentuk yang membawakan gaya, unsur mahu pun isu berkaitan Islam, sekurang-kurangnya sejak tahun 1970-an. 1970-an adalah tahun di mana aliran pasca moden atau disebut juga era eksperimental tumbuh dan berkembang di Malaysia. Menerusi perkembangan aliran tersebut, para penggiat teater mempunyai ruang dan kebebasan untuk meneroka pelbagai pendekatan, subjek atau isu yang baharu mahu pun yang kurang diberikan perhatian sebelum itu.

Lebih awal daripada itu, pada tahun 1940-an, telah ada pementasan berunsur Islam sebagai penanda tentang kewujudan aliran ini seperti dicatatkan oleh Talib Samat. Pementasan yang tersebut ialah naskhah drama sejarah berjudul "*Tariq bin Ziad: Pahlawan Islam*" di Panggung Victoria, Royal dan Garrick, Geyland, Singapura pada tahun 1945, yang turut dipentaskan di Bukit Besi, Dungun, Terengganu pada tahun 1956 (Fazilah Husin, et al., 2020). Bagi tahun 1960-an, pementasan lebih tertumpu kepada aliran realisme yang mendominasi perkembangan teater di Malaysia ketika itu. Aliran ini menampilkan drama atau naskhah yang bertemakan realiti kehidupan masyarakat Malaysia pada era tersebut, yang berhadapan dengan pelbagai cabaran khususnya berkaitan dengan pentadbiran negara, ekonomi, sosial dan pendidikan. Aliran realisme adalah bentuk baharu atau moden dalam rentetan perkembangan teater di Malaysia. Sebelumnya masyarakat Malaysia tertumpu kepada persembahan berbentuk tradisional yang mempunyai cara pementasan dan kandungan yang berbeza dengan teater moden ini.

Teater tradisional secara ringkasnya mengandungi unsur fantasi, ciri dan peranan watak yang sama (watak stok), kisah purba, hikayat atau mitos. Penonton hadir menikmati persembahan secara bebas, tiada perjanjian dan aturan penontonan yang ketat. Sementara teater moden yang membawa aliran realisme pula, mengubah hampir semua aspek ini, antaranya termasuklah tentang keperluan kepada panggung, tempat duduk sudah ditetapkan, rekaan pentas dan penampilan watak bersifat realistik dengan persoalan atau permasalahan berkaitan masyarakat semasa. Dalam era ini, unsur dan persoalan berkaitan Islam kurang ditumpukan, kehadiran unsur ini jika ada ditemui dalam pementasan teater realisme merupakan suatu gambaran atau ciri-ciri kepada latar budaya masyarakat Melayu di negara ini. Walaupun sukar mengesan naskhah teater berunsur Islam yang dipentaskan ketika itu, tetapi Mana Sikana (2009) ada membincangkan tentang naskhah teater oleh Anis Sabirin yang berjudul "*Di Kuburan*". Menurut Mana Sikana, naskhah ini membawakan pemikiran dan perbincangan yang berkaitan dengan falsafah serta konsep *qada'* dan *qadar*

melalui peristiwa kematian yang telah ditentukan oleh takdir Allah *Subhanahu wa ta'ala* (SWT). Beliau berpandangan kehadiran naskhah ini adalah sangat bererti kepada dekad tersebut: "Pada saat kegersangan drama (naskhah teater) yang mempersoalkan (menampilkan) Islam sebagai persoalan, drama ini sungguh bererti" (Mana Sikana, 2009). Kenyataan Mana Sikana ini memberikan gambaran tentang perkembangan drama atau naskhah teater berunsur Islam yang sangat kurang dihasilkan pada dekad tersebut. Kurangnya penghasilan naskhah berunsur Islam mengurangkan lagi kebarangkalian untuk teater dalam aliran ini dipentaskan dan dapat dinikmati oleh masyarakat.

Walau bagaimanapun keadaan ini berubah pada dekad 1970-an, seperti disebutkan pada awal artikel ini. Sejumlah naskhah teater berunsur Islam telah dihasilkan dan dipentaskan pada dekad tersebut dan beberapa dekad selepasnya (Krishen Jit, 1984; Solehah Ishak, 1990). Sejumlah teater berunsur Islam yang direkodkan antara tahun 1970 hingga tahun 2008 yang telah dipentaskan di beberapa lokasi dan melibatkan pelbagai tujuan pementasan, antaranya ialah di Maktab Perguruan Sultan Idris di Tanjung Malim, Perak oleh Noordin Hassan pada tahun 1970-an kerana beliau bertugas di sana ketika itu. Sekitar tahun 1980 dan 1990-an, beliau mulai mementaskan naskhah teaternya di beberapa panggung atau pentas di Kuala Lumpur, termasuklah di Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kompleks Budaya Negara. Naskhah-naskhah yang membawakan atau menampilkan unsur Islamik yang beliau pentaskan dalam tempoh empat dekad tersebut termasuklah "*Bukan Lalang Ditiup Angin*" (1970)¹, "*Jangan Bunuh Rama-rama*" (1979), "*Tiang Seri Tegak Berlima*" (1973), "*1400*" (1981) dan "*Anak Tanjung*" (1987). "*Demi Zaiton ...*" (2004), "*Sarah*" (2006) dan "*Mana Setangginya?*" (2009).

Selain Noordin Hassan, terdapat beberapa orang lagi penulis skrip dan penggiat teater yang menghasilkan dan mementaskan karya-karya yang berunsur Islam. Salah seorang daripadanya ialah Ismail Kassin yang telah menyumbangkan sejumlah naskhah teater yang menampilkan unsur-unsur dan isu-isu berkaitan dengan Islam dan ajarannya. Antara naskhah oleh dramatis tersebut termasuklah "*Sabda Sang Pendeta*" (1994), "*Istiqamah*" (2003) dan "*Gelanggang Tuk Wali*" (2008). Pementasan lain di beberapa lokasi, yang turut menampilkan gaya dan isu-isu berkaitan Islam mahu pun masyarakat Islam ialah "*Nasib di Tanganmu Takdir di Tanganmu*" (1975), skrip dan arahan Ismail Dahaman; "*Perdamaian*" (1986) arahan Suhaimi Magi; "*Bunga Andalusia*", skrip dramatis Indonesia, Abdurrachman Babehir dipentaskan di Sabah pada tahun 1987; "*Imam*" (1998/1999) skrip dan arahan Zakaria Ariffin; "*Pesona Sastera Al-Amin*" (2000) skrip dan arahan A. Wahab Hamzah; "*Mustaqimah*" (2003) skrip Mana Sikana, arahan Rohaizam Rosli; serta teater "*Syurga atau Neraka*" (2011), skrip Raja Azrey Raja Kamaruzzaman.

KAJIAN LEPAS

Terdapat sejumlah kajian yang dapat memberikan gambaran awal tentang pertumbuhan dan perkembangan teater berunsur Islam di Malaysia antaranya ialah artikel oleh Krishen Jit (1984) berjudul *Toward an Islamic Theatre for Malaysia: Noordin Hassan and Don't Kill the Butterflies*, disertasi doktor falsafah Rohani Md. Yousoff (2010) berjudul *Symbols in the Plays of Noordin Hassan*; makalah oleh Che Abdullah Che Ya dan Hanapi Dollah (2012), *Persoalan Islam dalam Karya Mana Sikana: Analisis Syajar dan Apa-apa*, kajian oleh Fazilah Husin et al. (2019) *Pendekatan Persembahan Teater-Teater Berunsur Islam Dinsman*, (2020), Fazilah Husin et al. (2019) *Pementasan Teater Berunsur Islam di Zon Pantai Timur, Semenanjung Malaysia* serta artikel oleh Nasir Razali dan Azhar Wahid (2020), *Idealisme Dalam Naskhah "Sabda Sang Pendeta" Karya Ismail Kassin Berdasarkan Konsep Keadaman*. Berdasarkan kajian oleh pelbagai pihak ini, didapati bahawa, teater berunsur Islam yang dirujuk ini merupakan sesebuah pementasan yang menampilkan sama ada sebahagian atau semua aspek-aspek berikut: nilai, simbol, amalan, persoalan yang berkaitan dengan pegangan dan

¹ Tahun dalam kurungan untuk paragraf ini adalah antara tahun-tahun di mana naskhah teater tersebut telah dipentaskan – Penulis.

kepercayaan seseorang Muslim, serta pendekatan persembahan yang menampilkan imej Islam.

Solehah Ishak (1990) dalam artikel berjudul “*Secebis tentang “Bunga Andalusia”*” menegur tentang pemilihan skrip oleh pihak penganjur pementasan yang disifatkan oleh beliau sebagai kurang tepat untuk menggambarkan kemurnian Islam, malah wujud kekeliruan dalam perkisahan tentang kedudukan Islam di Sepanyol yang menjadi latar teater ini. Sementara itu S.M. Zakir (2014) melalui artikel berjudul “*Teater Islam yang Hilang*” telah menghuraikan perkembangan teater berunsur Islam di Malaysia dan Timur Tengah. Beliau juga merumuskan bahawa dalam perkembangan teater Malaysia ketika itu, sedang berlaku kelompongan atau kehilangan teater-teater berunsur Islam serta teater yang kuat dan jelas dari segi falsafah dan pemikirannya. Kajian-kajian ini menunjukkan, dalam tempoh 10 tahun terakhir ini, masih terdapat teater berunsur Islam yang dipentaskan di Malaysia tetapi yang menjadi persoalan adalah tentang sifat-sifat produksi yang dihasilkan dalam tempoh tersebut. Sebagaimana keresahan disuarakan daripada kajian sebelum ini, terhadap aspek yang membimbangkan berkaitan bentuk teater ini khususnya tentang penyampaian fakta berkaitan Islam.

METODOLOGI

Data yang diperlukan oleh kajian ini adalah unsur-unsur Islam yang ditampilkan dalam sesebuah pementasan, serta pendekatan atau bentuk persembahan yang ditentukan dalam mementaskan sesebuah naskhah teater yang mengandungi unsur Islam di dalamnya. Data kajian ini bersumberkan korpus atau senarai teater-teater yang dikenalpasti bertemakan Islam atau membawakan atau membicarakan hal atau isu yang ada kaitan dengan Islam dan penganutnya, yang dipentaskan antara tahun 2009 dan tahun 2018. Data-data ini dianalisis berasaskan pendekatan *Teater Fitrah* yang diasaskan oleh Dato’ Noordin Hassan, Sasterawan Negara Malaysia, pada tahun 1981 dan terbitkan pada tahun 2002 dalam buku berjudul *Teater Fitrah dan Esei Pilihan* oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Pendekatan ini berasaskan hakikat bahawa fitrah manusia adalah beriman kepada Allah SWT dan semoga kembali (mati) juga sebagaimana kejadian itu. Untuk mencapai keadaan itu, kehidupan Muslim mestilah berakidah dan bersyariat serta bertanggungjawab pula berdakwah kepada yang lain. Pendekatan *Teater Fitrah* melihat teater sebagai saluran untuk beribadat dan berdakwah melalui perkisahan yang dibawakan, yang berlandaskan Islam, menyeru, memberi contoh dan menunjukkan kebaikan Islam.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Daripada konsep tersebut, Dato’ Noordin Hassan menamakan pendekatan teater tersebut sebagai *Teater Fitrah* yang menyenaraikan enam prinsip untuk diteliti oleh seseorang Muslim apabila mahu menghasilkan sesebuah teater. Kajian ini mengaplikasikan tiga daripada prinsip-prinsip yang disenaraikan, selaras dengan aspek perbincangan dan objektif yang disasarkan iaitu prinsip tentang gambaran dan imejan yang ditampilkan adalah dengan tujuan untuk beribadat, penampikan adegan tentang hakikat pengabdian diri kepada Allah, serta penjagaan etika dan tatasusila pementasan. Kewujudan prinsip-prinsip ini dalam teater yang tersenarai dapat menunjukkan tentang ciri-ciri teater berunsur Islam dalam tempoh 10 tahun kajian. Tiga lagi daripada prinsip *Teater Fitrah* ini adalah panduan dalam penulisan naskhah teater atau skrip drama pentas, khususnya dengan meletakkan watak protagonis sebagai seorang yang beriman kepada Allah SWT; sebarang penghasilan dan rekaan dalam cerita yang disampaikan pula adalah dengan niat dan amal yang berlandaskan akidah dan syariat Islam; serta dengan kesedaran bahawa segala yang ditampilkan adalah untuk bertakwa dan mengabdikan kepada Allah SWT (Noordin Hassan, 2002).

Sebanyak 22 naskhah teater berunsur Islam atau membawakan tema atau isu berkaitan Islam yang telah dipentaskan bagi tempoh 10 tahun kajian (2009-2018). Walau bagaimanapun, kemungkinan terdapat beberapa lagi naskhah dan pementasan berunsur Islam yang tidak direkodkan dalam tempoh pengumpulan data. Hal ini berlaku kerana tidak

ditemui laporan, catatan, penerua-uaran dan sebagainya sama ada oleh pihak penerbit teater itu sendiri mahu pun penonton atau lain-lain pihak yang mempunyai maklumat dalam tempoh pengumpulan data kajian dibuat.

Terdapat beberapa naskhah yang telah dipentaskan lebih daripada sekali antaranya ialah teater "*Menunggu Kata Dari Tuhan*", yang telah dipentaskan lebih daripada 50 kali setakat tahun 2009-2012 di pelbagai lokasi (Dinsman, 2019). Dua pementasan terakhir, antaranya ialah pada 29 November 2019 di Johor Bharu. Naskhah ini juga kemudian dipentaskan pula di Festival Teater Islam Dunia di Riau, Indonesia yang berlangsung pada 13-18 Disember 2019. Tanggapan daripada tinjauan awal terhadap produksi yang tersenarai, didapati bahawa, unsur keislaman yang diterapkan dalam sesetengah pementasan adalah bercampur aduk antara unsur yang selaras atau tidak bertentangan dengan syariat Islam khususnya dari segi aksi lakon, perbincangan dan penampilan. Terdapat juga pementasan yang menepati kehendak Islam atau tidak bertentangan dengannya. Berikut (Jadual 1) adalah senarai pementasan yang telah berlangsung dalam tempoh kajian:

Judul Naskhah	Bentuk/Konsep Persembahan
"Sirah Junjungan", "Imam Shafie", "Sirah Rasulullah Tahajjud Cinta", "Sesat", "Sayangi Malaysia Takutkan Tuhan Cintai Negara", "Untuk Mu Rasulullah", "Lajang Peraja" dan "Jadilah Islam Yang Kuat"	muzikal
"Natrah", "Semerah Padi", "Di Bawah Lindungan Kaabah", " <i>The Islam Dilemma</i> ", "Ustaz Zapin", "Fragmental Tok Kenali", "Meniti Cahaya Kebenaran" dan "Perang Uhud"	realistik
"Intan Yang Tercanai", "Pergi Mati ... dengan Islam", "Transit Warga Tanah" dan "Luqman al-Hakim"	bukan realistik
"Menunggu Kata Dari Tuhan" dan "Nur"	monolog

Jadual 1: Bentuk persembahan teater berunsur Islam antara tahun 2009-2018

Data menunjukkan sebahagian besar pementasan mengaplikasikan bentuk atau konsep persembahan berbentuk muzikal dan realistik, diikuti oleh persembahan berbentuk bukan realistik dan monolog. Bentuk atau konsep persembahan naskhah-naskhah ini dikategorikan berdasarkan pendekatan yang ditampilkan oleh sesebuah produksi teater. Pendekatan ini dirumuskan daripada gaya lakonan, rekaan set dan prop, kostum dan solekan, unsur-unsur persembahan yang dominan seperti tarian, muzik dan nyanyian bagi teater muzikal. Gambaran atau imej daripada sinografi yang ditampilkan oleh teater-teater yang disenaraikan, didapati ada berkaitan dengan Islam. Ini bererti apabila penonton menikmati sinografi daripada unsur-unsur teater yang ditampilkan itu, mereka dapat mengkaitkannya dengan Islam daripada sudut yang penonton itu fahami. Hal ini ada kaitan dengan tahap kefahaman seseorang penonton itu terhadap ajaran Islam itu sendiri. Sekiranya penonton tidak mempunyai pengetahuan dan kefahaman tentang Islam, kemungkinan untuk mereka memahami gambaran atau imej islamik yang mahu disampaikan oleh teater yang ditonton, dan matlamat mahu pun seni persembahan islamik tidak akan dapat dicapai dan dinikmati.

Tersenarai beberapa judul naskhah yang menampilkan figura dan peristiwa yang berkait langsung dengan Islam iaitu teater "*Sirah Junjungan*", yang mana, 'junjungan' itu merupakan kata-kata sanjungan yang diberikan kepada Nabi Muhammad SAW untuk menunjukkan tingginya kedudukan Baginda di mata dan minda umat Islam khususnya kepada pihak yang menyediakan naskhah untuk pementasan itu. Naskhah-naskhah lain termasuklah, "Di Bawah Lindungan Kaabah", "Imam Shafie", "*Sirah Rasulullah Tahajjud Cinta*", "Perang Uhud" dan "*Untuk Mu Rasulullah*". Naskhah "*Luqman al-Hakim*" mengangkat

nama tokoh yang disebut dalam *al-Quran*, yang juga merupakan nama salah satu daripada surah yang terkandung di dalamnya. Naskhah-naskhah seperti “*Menunggu Kata Dari Tuhan*”, “*Nur*”, “*Sesat*”, “*Sayangi Malaysia Takutkan Tuhan Cintai Negara*”, dan “*Meniti Cahaya Kebenaran*”, menampilkan hal-hal keagamaan termasuklah yang berkaitan dengan akidah, penghayatan serta kefahaman terhadap ajaran Islam. Watak dan gerak lakon adalah berasaskan sifat ketokohan, kostum, dialog dan pengucapan serta pergerakan yang menggambarkan figura mahu situasi yang dibawakan untuk dikaitkan dengan persoalan yang dibincangkan. Aspek ini yang memberikan imej kepada sesebuah pementasan teater berunsur Islam, yang terhasil berlandaskan nilai dan perwatakan Islam.

Tiga daripada naskhah ini secara langsung menyebutkan Islam dalam judul naskhah iaitu “*Pergi Mati ... dengan Islam*”, “*Jadilah Islam Yang Kuat*” dan “*The Islam Dilemma*”, yang memberikan gambaran secara langsung bahawa teater tersebut tertumpu kepada Islam dan persoalan yang berkaitannya. Naskhah berjudul “*Pergi Mati ... dengan Islam*” memberikan konotasi tentang rasa benci atau berputus asa dengan dengan Islam. Konotasi seperti ini perlu dielakkan kerana akan menimbulkan rasa was-was dan syak wasangka dalam kalangan penonton, sebaiknya perlu memberikan gambaran jelas (Nawawi, 2019). Sementara naskhah “*The Islam Dilemma*” membawakan pandangan orang bukan Islam terhadap permasalahan yang sedang dihadapi oleh umat Islam khususnya tentang islamophobia. Seterusnya ialah naskhah “*Jadilah Islam Yang Kuat*”, kandungan pementasannya ialah nasihat dan seruan kepada umat Islam agar memperbaiki diri untuk menjadi umat yang hebat dan dihormati. Kekuatan dalam konteks seruan ini adalah kekuatan yang menyeluruh, bukan sahaja tentang keimanan tetapi hal-hal yang berkaitan dengan keperluan keduniaan termasuklah pentadbiran dan kemakmuran ekonomi.

Beberapa naskhah merujuk kepada masyarakat Melayu, yang mengikut Perlembagaan Negara Malaysia, agama Islam adalah identikal kepada mereka (Haidi, 2019). Naskhah-naskhah tersebut ialah “*Natrah*”, “*Fragmental Tok Kenali*”, “*Ustaz Zapin*” dan “*Semerah Padi*”. Unsur dan persoalan Islam yang ditampilkan memperlihatkan hubungan masyarakat Melayu dengan Islam sebagai agama, termasuklah pembelaan terhadap kesucian agama Islam dalam “*Natrah*”, perkembangan fahaman dan dakwah Islamiah dalam “*Fragmental Tok Kenali*”, “*Ustaz Zapin*” dan “*Semerah Padi*”. Naskhah-naskhah seterusnya iaitu “*Intan Yang Tercanai*” dan “*Lajang Peraja*” menampilkan judul-judul teater yang tidak dapat dikaitkan secara langsung sama ada dengan Islam mahu pun masyarakat atau sejarah bangsa Melayu. Naskhah-naskhah ini membuka ruang untuk khalayak mengandaikan atau memikirkan tentang persoalan atau kisah yang bakal dipersembahkan kepada mereka, bersifat umum dan tidak terkait secara khusus dengan Islam.

Konsep dan bentuk persembahan yang dipilih untuk sesebuah naskhah teater itu berkaitan dengan salah satu prinsip yang disenaraikan dalam pendekatan Teater Fitrah iaitu menjaga etika dan tatasusila pementasan. Isu dan persoalan berkaitan Islam adalah tajuk atau subjek yang memerlukan pertimbangan yang teliti dalam hal memilih cara atau konsep kisah itu akan dipersembahkan. Teater mempunyai kaedah dan etika tertentu untuk dipatuhi dalam menghasilkan sebuah persembahan bernama teater, atau jika sebaliknya, mungkin teater tersebut akan menjadi majlis ceramah agama, konsert muzik, persembahan tarian mahu pun dokumentari. Sehubungan itu pengarah sebagai individu yang bertanggungjawab mencorakkan sesebuah pementasan, akan mempertimbangkan konsep persembahan yang akan dibawakan bersesuaian dengan keperluan naskhah, sasaran khalayak penonton dan kewangan. Terdapat beberapa konsep persembahan yang dipilih oleh para pengarah teater-teater berunsur Islam ini.

Konsep atau bentuk persembahan yang paling dominan ialah muzikal, diikuti konsep persembahan berbentuk realistik, bukan realistik dan monolog. Teater yang menampilkan fakta sejarah seperti “*Natrah*” dan “*Fragmental Tok Kenali*” tergolong dalam kategori persembahan berbentuk realistik, iaitu menampilkan kisah, watak, latar dan dialog sebagaimana peristiwa itu berlaku yang melibatkan masyarakat dan permasalahan semasa. Perbezaannya hanyalah pada fakta penceritaan yang dibawakan itu bukan suatu fiksi tetapi adalah diangkat daripada peristiwa sebenar. Sementara itu bagi teater-teater dengan

konsep persembahan realistik seperti “Semerah Padi”, “Di Bawah Lindungan Kaabah”, “The Islam Dilemma”, “Ustaz Zapin”, dan “Meniti Cahaya Kebenaran”, menampilkan kisah hidup dan permasalahan yang berlaku dalam masyarakat tetapi tidak merujuk kepada individu atau peristiwa tertentu secara khusus atau langsung, melainkan dijadikan sebagai sumber idea untuk berkarya (fiksiyen).

Sejumlah teater mementaskan naskah dalam bentuk bukan realistik. Bukan realistik di sini merujuk kepada teater-teater dalam aliran pasca moden seperti surealisme, simbolisme dan ekspresionisme. Konsep persembahan sebegini bertentangan dengan konsep realistik kerana naskah-naskah yang dipentaskan membawakan, membincangkan atau mempersoalkan sesuatu isu yang berkaitan dengan Islam melalui perlambangan, kiasan dan falsafah yang menuntut khalayak penonton berfikir secara kritikal, matang mahu pun terbuka terhadap persoalan yang ditampilkan. Set dan prop jika diadakan hanyalah berbentuk simbolik, begitu juga tatacahaya dan kostum, tidak dibina untuk memahami penonton sebaliknya untuk menyokong penyampaian pemikiran naskah yang dipentaskan. Teater-teater yang membawakan bentuk persembahan begini termasuklah “Intan Yang Tercanai”, “Pergi Mati ... dengan Islam” dan “Nur.” “Intan Yang Tercanai” menampilkan imej-imej agama iaitu Hindu dan Islam melalui kavadi dan ibadat haji atau umrah. Maksud judul teater ini antara lain ialah keikhlasan dan akhlak umat Islam yang baik akan dengan sendirinya menyentuh sesebuah jiwa yang belum mendapat cahaya keimanan, untuk memilikinya secara semulajadi kembali kepada fitrah, iaitu menyembah Allah SWT. Bukan realistik juga merujuk kepada struktur naratif sesebuah teater itu yang lazimnya bergerak secara tidak kronologi atau tanpa pertukaran babak dan latar. Pergerakan naratif teater-teater ini memerlukan khalayak penonton menumpukan perhatian kepada permasalahan yang disuarakan melalui watak-watak yang menjadi perantara tanpa hanya bergantung kepada susunan plot.

Teater “Pergi Mati ...dengan Islam” mengasak penonton dengan pertanyaan-pertanyaan keras tentang Tuhan dan keabsahan *al-Quran*. Jika merujuk kepada prinsip *Teater Fitrah*, teater ini bukanlah sebuah pementasan yang berbentuk dakwah kerana sepanjang perjalanannya sarat dengan nada mempertikaian Islam, sama ada kandungan mahu pun ajaran yang dibawakan. Begitu juga dengan teater “Nur” yang menampilkan dua monolog yang dijalin menjadi sebuah pementasan yang merupakan luahan hati kedua-dua watak terhadap perasaan yang bergolak dalam diri masing-masing. Teater “Nur” memberikan gambaran tentang situasi yang dihadapi oleh seorang ibu apabila mengetahui anaknya telah murtad dan dalam masa yang sama juga ditampilkan watak anak yang menceritakan punca beliau mengambil keputusan untuk memilih Kristian.

Teater “Nur” adalah antara contoh tentang struktur naratif yang tidak bergerak atau tiada pertukaran babak kerana monolog ini merupakan sebuah penceritaan atau jawapan kepada persoalan-persoalan yang bermain di fikiran watak-watak tersebut iaitu watak Nur dan ibunya. Tetapi jawapan itu dilontarkan kepada penonton yang menjadi medan kepada mereka untuk menyatakan segala perasaan yang timbul berkaitan dengan permasalahan murtad itu. Ibu begitu kecewa dan sedih, anak pula memberikan hujahan akan keputusan yang telah diambil. Teater ini tiada penyelesaian, Nur telah murtad, ibu dan keluarga sudah habis segala usaha untuk menyelamatkan akidah Nur. Teater ini mungkin tidak selaras dengan prinsip *Teater Fitrah* tetapi murtad adalah suatu perbuatan jenayah dan merupakan isu kritikal yang mesti dibincangkan untuk memperkukuhkan kedudukan agama Islam (Mohd Shopiee Shiddeq, 2015).

Sebahagian besar naskah-naskah ini dipentaskan dalam bentuk teater muzikal. Teater muzikal adalah persembahan yang sarat dengan nyanyian oleh para pelakon, diikuti juga dengan gerak tari dan muzik, selain dialog. Nyanyian menjadi struktur utama persembahan teater muzikal berbanding dialog yang lazim ditemui dalam teater bukan muzikal. Teater muzikal Islamik dalam kajian ini juga menampilkan unsur persembahan yang sama tetapi konsep atau bentuk nyanyian, lirik dan pergerakan watak atau pelakon mengangkat imej dan ciri-ciri keislaman seperti nasyid, tahlil, zikir, gerakan ibadat umat Islam bersama lirik yang bersesuaian dengan kisah yang dibawakan. Teater “Sirah

Rasulullah Tahajjud Cinta” menampilkan lagu-lagu dengan lirik yang menceritakan riwayat hidup Nabi Muhammad SAW daripada lahir hinggalah ke saat kewafatan Baginda. Unsur utama yang dimuatkan adalah selawat ke atas Baginda dalam koreografi yang menarik dengan tujuan untuk menyatakan kerinduan dan kasih sayang kepada Baginda dengan merangsang juga khalayak penonton untuk turut serta dalam gerakan selawat itu.

RUMUSAN

Pelbagai aspek dan pendekatan pementasan yang ditampilkan oleh teater-teater berunsur Islam yang telah dipentaskan dalam tempoh 10 tahun tersebut. Perkara tersebut telah memberikan identiti khusus kepada persembahan-persembahan teater yang menerapkan unsur-unsur Islam di dalamnya. Identiti atau ciri tersebut adalah imej, gambaran, gerak lakon, dialog dan lirik, pakaian serta penampilan khusus kepada sesebuah teater itu sebagai pementasan yang islamik. Tetapi tahap islamik sesebuah pementasan teater itu adalah berbeza-beza antara satu sama lain bergantung kepada unsur, konsep dan isu yang kemukakan. Pementasan teater yang berunsur Islam seharusnya dilakukan untuk meningkatkan syiar Islam. Pendekatan *Teater Fitrah* melihat teater sebagai medium dakwah yang mengajak kepada kebaikan dan teladan.

Pertikaian yang membawa kepada kekeliruan kepada penonton adalah merbahaya kepada akidah semua pihak yang terlibat dengan teater tersebut. Hal ini dinyatakan melalui prinsip *Teater Fitrah* berkenaan tatasusila dan etika. Kajian menunjukkan bahawa pelbagai pendekatan persembahan telah diaplikasikan oleh pementasan-pementasan ini dalam usaha masing-masing untuk menyampaikan syiar Islam melalui teater. Dalam masa yang sama juga, terdapat naskah yang membincangkan isu-isu yang berat dan sensitif terutama yang berkaitan dengan aqidah umat Islam, amalan khurafat dan permasalahan murtad. Bukanlah hal tersebut tidak boleh dibicarakan atau diteaterkan tetapi pendekatan dan cara permasalahan tersebut dibicarakan dan dipaparkan di pentas mestilah secara berhemah dan tidak mencetuskan kekeliruan dalam kalangan penonton, apatah lagi jika akhirnya menghina atau merendahkan Islam dan ajarannya.

Kehadiran dan kekerapan teater-teater berunsur Islam ini dipentaskan membolehkan semua pihak yang terlibat dengan pementasan, penonton dan masyarakat umum yang mengikuti perkembangan ini menekuni, memahami serta menghasilkan naskah dan persembahan teater yang mempunyai ciri-ciri yang menepati kehendak Islam sama ada kandungan, persembahan mahu pun pengurusan khalayak yang selaras dengan kehendak Islam. Hal ini memerlukan kefahaman yang mendalam dan menyeluruh tentang Islam dan penghayatannya pada segenap peringkat dan lapisan masyarakat, khususnya penggiat dan khalayak teater. Dapat dirumuskan bahawa kehadiran pementasan teater berunsur Islam ini dapat memberikan pilihan kepada masyarakat dari segi genre persembahan yang mahu mereka tonton. Selain itu, konsistensi pementasan yang membawakan unsur-unsur Islam ini dapat mengukuhkan keberadaan atau kewujudannya sebagai sebuah genre atau bentuk jelas ciri dan konsep dramatik dan keteaterannya. Lebih daripada itu, sebagaimana dihasratkan oleh *Teater Fitrah* yang diasaskan oleh Sasterawan Negara Dato’ Noordin Hassan, teater bukan hanya hiburan tetapi sejenis hiburan yang mengandungi dakwah islamiah di dalamnya.

PENGHARGAAN

Geran Putra Vot 9662400 Universiti Putra Malaysia.

RUJUKAN

- Dinsman. 2019. *Menunggu Kata Dari Tuhan: Teater dari Hadith Nabi, Edisi Khas Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan 2019*. Petaling Jaya: Seniman Paksi Rakyat (PAKSI).
- Mana Sikana. 2009. *Sejarah Kesusasteraan Melayu Moden: Drama*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mohd Adi Amzar Muhammad Nawawi. 2019. *Pengenalan Gagasan Sastera Islami: Dunia Arab dan Alam Melayu*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Noordin Hassan. 2002. *Teater Fitrah dan Esei Pilihan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Solehah Ishak. 1990. *Pengalaman Menonton Teater*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- S.M Zakir. 2014. *Laboratorium*. Kuala Lumpur: Nusabuku Enterprise.

Jurnal

- Che Abdullah Che Ya & Hanapi Dollah. 2012. *Persoalan Islam dalam Karya Mana Sikana: Analisis Syajar dan Apa-apa*. Jurnal Melayu. Vol. 9. Bangi: Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fazilah Husin, Nik Fazli Mohamand, Zulkifli Mohamad & Mohd Zariat Abdul Rani. 2019. *Pendekatan Persembahan Teater-Teater Berunsur Islam Dinsman*. International Journal of Creative Industries. Vol. 1(2). DOI: 10.35631/ijcrei.12002. Kota Bharu: Global Academic Excellence (M) Sdn Bhd (GAE).
- Fazilah Husin, Mohd Zariat Abdul Rani, Siti Husniah Husin & Zulkifli Mohamad. 2020. *Pementasan Teater Berunsur Islam di Zon Pantai Timur, Semenanjung Malaysia*. Al-Qiyam International Social Science and Humanities Journal. Vol. 3(3). E-ISSN: 2637-0271. Terengganu: Al-Qiyam Centre for Scientific Research and Studies.
- Krishen Jit. 1984. *Toward an Islamic Theatre for Malaysia: Noordin Hassan and Don't Kill the Butterflies*. Asian Theatre Journal. Vol. 1(2). Honolulu: Universiti of Hawai'i Press.
- Mohd Shopiee Shiddeq. 2015. *Murtad di Malaysia: Permasalahan dari Perspektif Undang-undang Syariah (The Crime of Apostasy in Malaysia: Problems from Syariah Law Perspective)*. Jurnal Undang-undang dan Masyarakat. Vol. 19. Bangi: UKM Press.
- Nasir Razali & Azhar Wahid. 2020. *Idealisme Dalam Naskhah "Sabda Sang Pendeta" Karya Ismail Kassin Berdasarkan Konsep Keadaman*. Rumpun Jurnal Persuratan Melayu. Vol. 8(1). Tanjong Malim: Persatuan Penulis Budiman Malaysia. <https://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/4>.

Tesis

- Rohani Md Yousoff. 2010. *Symbols in the Plays of Noordin Hassan*. Disertasi Doktor Falsafah, Institut Antarabangsa Tamadun dan Pemikiran Islam (ISTAC), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Internet

- Kamarool Haidi. 10 Ogos 2019. Memahami Erti Orang Melayu dan Bangsa Melayu. Editor Malaysia.com. <https://www.editormalaysia.com/11127/> (diakses pada 31 November 2012).

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.